

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 5 (29)

16 April 2018
29 Rejab 1439

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 24/2018

PEMAKAIAN SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2017 PENAMBAHBAIKAN PERATURAN PELAKSANAAN KEMUDAHAN PERUBATAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG RAWATAN DI INSTITUT JANTUNG NEGARA SDN. BHD.

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 96 bertarikh 14 Mac 2018 telah meluluskan pemakaian Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2017 mengenai Penambahbaikan Peraturan Pelaksanaan Kemudahan Perubatan dan Penjelasan Berhubung Rawatan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB).

2. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2017 ini bertujuan untuk menambah baik peraturan kemudahan perubatan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. bagi pegawai/pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan, ibu bapa pegawai dan ahli keluarga pegawai/pesara yang berkelayakan mendapat rawatan di IJNSB.


3. Surat pekeling ini juga menjelaskan pelaksanaan perbelanjaan rawatan di IJNSB kepada pegawai/pesara Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan, ibu bapa pegawai dan ahli keluarga pegawai/pesara yang berkelayakan agar dapat dilaksanakan dengan teratur.

4. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta mengambil maklum mengenai pemakaian Surat Pekeling ini. Surat Pekeling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 24 November 2017. Maklumat lanjut berhubung pekeling boleh dirujuk ke Bahagian Pengurusan Organisasi, Pejabat Pendaftar, Universiti Teknologi Malaysia.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)
Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah